

**SIARAN AKHBAR**

**21 Ogos 2014**

## **EKUINAS LABUR RM400 JUTA UNTUK MELUASKAN PORTFOLIO MINYAK & GAS DAN F&B**

### **Fakta Utama:-**

- Ekuinas mengumumkan pelaburan hampir RM400 juta dalam dua syarikat untuk meluaskan portfolio Minyak & Gas dan Makanan & Minuman (F&B), yang mana kedua-duanya merupakan pelaburan langsung sulung Ekuinas pada tahun kewangan 2014.
- Ekuinas melabur sebanyak RM346.3 juta untuk memperoleh kepentingan 95.5% dalam Orkim Sdn Bhd, salah satu syarikat kapal tangki Produk Petroleum Bersih (CPP) Malaysia terbesar dengan penguasaan pasaran kira-kira 30%. Pelaburan ini memberi landasan untuk Ekuinas mewujudkan sebuah kumpulan pengangkutan dan logistik petroleum serantau antara yang terbesar dengan prospek pertumbuhan dan tinjauan industri yang positif.
- Ekuinas juga mengumumkan satu lagi pelaburan telah dilaksana menerusi syarikat portfollio Makanan & Minuman (F&B) Runcitnya, Integrated Food Group Sdn Bhd (IFG), sebanyak RM50.8 juta untuk kepentingan ekuiti 60% dalam CoolBlog, sebuah syarikat peneraju pasaran dalam sektor francais manisan dan minuman Malaysia. Pelaburan ini meluaskan portfolio F&B Ekuinas kepada enam (6) jenama popular dengan 495 cawangan di seluruh rantau dengan pendapatan bergabung berjumlah RM262.5 juta setakat 30 Jun 2014.
- Menerusi pelaburan ini dan pelaburan yang dilaksanakan oleh rakan Program Penyumberan Luar, Ekuinas telah melabur RM450.1 juta setakat ini pada tahun kewangan 2014. Ini menjadikan jumlah pelaburan keseluruhan Ekuinas sehingga kini mencecah RM2.3 bilion dalam 28 buah syarikat. Bersama dengan modal pelabur swasta, Ekuinas telah membantu kemasukan modal berjumlah RM2.8 bilion ke dalam ekonomi negara yang seterusnya memberi kesan positif kepada ekonomi Malaysia.

**KUALA LUMPUR, 21 Ogos 2014:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, hari ini mengumumkan pelaburan bernilai hampir RM400 juta dalam dua syarikat, Orkim Sdn Bhd (Orkim) and Coolblog Sdn Bhd (Coolblog), untuk mengembang portfolio Minyak & Gas (O&G) serta Makanan & Minuman (F&B) di bawah naungannya.

Ekuinas melabur sebanyak RM346.3 juta untuk memperoleh sehingga 95.5% kepentingan dalam Orkim, salah sebuah syarikat kapal tangki Produk Petroleum Bersih (CPP) yang terkemuka di Malaysia. Orkim, yang diasaskan pada 2004 sebagai perniagaan broker kapal, telah mencatat rekod pencapaian kukuh dan kini memiliki serta mengurus 11 buah kapal, dengan hasil dan keuntungan selepas cukai (PAT) selepas pengecualian perkara luar biasa masing-masing berjumlah RM136.4 juta dan RM33.5 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. Orkim mengangkut CPP dari kilang penapis ke beberapa terminal penyimpanan minyak di seluruh negara dan kini menguasai bahagian pasaran terbesar dalam industri iaitu sebanyak 30%.

Ekuinas mengambil alih Orkim daripada Global Maritime Ventures, anak syarikat Bank Pembangunan Malaysia, sejajar dengan strateginya untuk memperolehi aset bukan teras atau lupusan milik syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat tersenarai awam (PLC). Pengasas Orkim, Wan Izani Wan Mahmood dan Kapten Khoo Chin Yew, akan terus memegang baki kepentingan dalam syarikat tersebut dan membantu merancang fasa pertumbuhan seterusnya di bawah Ekuinas.

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Kami gembira dengan pelaburan kami dalam Orkim, yang mempunyai pengurusan mantap dan mencatatkan rekod pertumbuhan cemerlang. Pelaburan ini juga menandakan penglibatan sulung Ekuinas dalam industri pengangkutan petroleum, yang mempunyai ciri pertumbuhan industri yang menggalakkan, terutamanya dalam pengangkutan Gas Petroleum Cecair, sebuah bidang yang kini dikuasai oleh syarikat asing."

"Selain itu, pelaburan ini memberi landasan kepada Ekuinas untuk membangunkan Orkim menjadi sebuah kumpulan pengangkutan petroleum dan logistik serantau yang terkemuka pada masa hadapan. Ini adalah selaras dengan matlamat Ekuinas untuk mentransformasikan syarikat Malaysia bersaiz sederhana menjadi syarikat peneraju pasaran pada masa akan datang," tambah beliau lagi.

Pelaburan dalam Orkim adalah tertakluk kepada pelaksanaan beberapa syarat duluan dan dijangka disempurnakan menjelang suku ke-empat 2014.

EkuiNAS turut mengumumkan bahawa syarikat portfolio F&B Runcitnya, Integrated Food Group Sdn Bhd (IFG) telah membuat pelaburan bernilai RM50.8 juta untuk memperoleh kepentingan ekuiti 60% dalam CoolBlog, syarikat francais pakar manisan dan minuman yang dibangunkan dalam negara.

CoolBlog, yang dilancarkan buat pertama kali pada 2007, mengkhusus dalam penjualan manisan dan minuman berasaskan konsep kios bawa pulang dan merupakan penglibatan sulung EkuiNAS dalam sektor gerai dan kios jalanan. Coolblog mengendalikan model francais/lesen dengan membantu usahawan membina perniagaan berdaya maju untuk menyajikan minuman dan manisan bermutu merangkumi lebih 25 perisa dan 300 produk berbeza di seluruh Malaysia dan rantau ini. Syarikat juga merupakan rangkaian 'bubble tea' pertama yang diberikan sijil 'HALAL' oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Coolblog kini merupakan peneraju pasaran dalam sektor manisan dan minuman Malaysia dengan 299 cawangan di seluruh negara dan telah mula mengembangkan sayap ke Indonesia. Syarikat ini juga mempunyai rekod pencapaian pertumbuhan yang kukuh dan mencatatkan hasil dan keuntungan selepas cukai masing-masing berjumlah RM42.52 juta dan RM8.47 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Mengulas mengenai pelaburan tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif EkuiNAS, Dato' Abdul Rahman Ahmad berkata, "Kami sukacita dengan pelaburan dalam CoolBlog demi menyokong cita-cita syarikat untuk mengembangkan model perniagaan menjual manisan dan minuman Halal pada harga yang berpatutan menerusi format kios di bandar dan pekan di seluruh rantau ASEAN."

"Diterajui oleh pengurusan yang mantap, EkuiNAS yakin bahawa Coolblog boleh terus berkembang maju, dan mampu meraih kejayaan seiring dengan perkembangan pesat industri gerai dan kios jalanan di Malaysia dan di rantau ini. Malah, pelaburan ini akan membolehkan EkuiNAS berganding bahu dengan usahawan kecil Malaysia dan Bumiputera untuk membantu mereka menjana pendapatan berdaya maju. Tumpuan kami ialah untuk terus mengembangkan rangkaian Coolblog dengan memainkan peranan sebagai pemangkin untuk membantu lebih ramai usahawan, terutamanya golongan Bumiputera, untuk menjadi pemegang lesen dan seterusnya mengembangkan rangkaian francais CoolBlog," tambahnya.

Pelaburan ini mengembangkan portfolio F&B Ekuinas kepada enam (6) jenama popular, dengan 495 cawangan di rantau ini dengan pendapatan bergabung berjumlah RM262.5 juta setakat pada 30 Jun 2014, menjadikannya antara kumpulan F&B yang terbesar dalam industri.

Dengan dua pelaburan baharu ini, dan juga pelaburan yang dibuat oleh rakan Program Penyumberan Luar, Ekuinas telah melaksanakan pelaburan bernilai RM450.1 juta setakat ini pada tahun kewangan 2014. Ini menjadikan jumlah pelaburan keseluruhan Ekuinas setakat ini sebanyak RM2.3 bilion dalam 28 buah syarikat. Bersama dengan modal pelabur swasta, Ekuinas telah membantu kemasukan modal berjumlah RM2.8 bilion ke dalam ekonomi negara yang seterusnya memberi kesan positif kepada ekonomi Malaysia.

Baru-baru ini, dua pelaburan baharu berjumlah RM39.6 juta telah dibuat oleh rakan Program Penyumberan Luar Ekuinas, yang mana RM32.0 juta mewakili modal peruntukan Ekuinas. Pelaburan tersebut, yang dilaksanakan oleh CIMB Private Equity dan Asiasons Private Equity, adalah dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang beroperasi dalam sektor pendidikan dan pengguna/perindustrian.

###

### **Mengenai Ekuinas**

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Berbekalkan peruntukan RM5 bilion daripada Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat melahirkan syarikat terkemuka generasi baru di Malaysia sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan berdaya maju. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam bidang barangan pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan dan runcit.